

Kemaskini akaun BR1M untuk lancarkan proses pembayaran

PULAU CAREY - Penerima Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) selepas ini diingatkan supaya mengemaskini dan membuat akaun sendiri supaya tidak mengeluh apabila terpaksa beratur panjang untuk menunggu giliran mengambil duit.

Ketua Umno Bahagian Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, beliau kesal apabila terdapat segelintir penerima yang merungut sedangkan maklumat mengenai mengemaskini akaun mereka telahpun dimaklumkan awal.

Menurutnya, sudahlah mereka tidak mendengar maklumat awal daripada pihak bertanggungjawab kemudian apabila tiba masa diminta beratur menunggu giliran ada saja yang tidak berpuas hati.

“B a g a i m a n a p u n , Alhamdulillah proses pembayaran berjalan lancar dan berharap penerima dapat memanfaatkan bantuan yang diterima dengan baik.



SULAIMAN

“Kita tidak mahu penerima menyalahgunakan wang dan menyampaikan berita negatif terhadap agihan BR1M yang disampaikan,” katanya.

Sulaiman berkata, terdapat seramai 800 penerima baucar berkenaan di Pengkalan Nelayan Pulau Carey semalam dengan pelbagai ragam manusia turut dapat dilihat.

Katanya, beliau dimaklumkan mengikut rekod juga sejumlah 30,000 orang akan dibayar secara berperingkat sebanyak tiga kali bayaran.



Sebahagian penerima BR1M tidak sabar mendapatkan bantuan mereka.

“Saya yakin jumlah itu semakin bertambah namun penyertaan permohonan baharu masih kurang.

“Kita harap lebih ramai lagi pemohon baharu mengambil peluang yang ada dan janganlah mengambil sikap sambil lewa kerana kebiasaannya apabila terlepas peluang, macam-macam tuduhan pula dilemparkan,” katanya.

Dalam pada itu, kebanyak-

an penerima bantuan BR1M menarik nafas lega apabila bantuan itu diagihkan sebelum perayaan Tahun Baru Cina.

Mereka memberitahu bukan sahaja masyarakat Cina yang gembira dengan bantuan itu namun bangsa lain juga mengambil peluang menjadikan bantuan itu sebagai pendapatan tambahan selepas kebanyakan daripada mereka sudah menerima gaji awal.